

Sumber keindahan di Nilai



3

KINI tahulah apa makna 'Nilai', sebuah daerah di Negeri Sembilan. Ini kerana jika anda ke sana, apatah lagi ke pusat jualan borong di kawasan Perindustrian Nilai 3, Bandar Baru Nilai maka segala-galanya akan begitu bernilai kepada wang anda.

Anda akan pulang dengan segala yang selama ini dihajati dengan tidak perlu berbelanja besar. Di situ belilah dengan banyaknya pagar kecil yang berukuran 5 kaki panjang kerana ia hanya berharga RM8.90 atau sehinggalah pancuran air lapan tingkat pasu dengan hanya RM99.00 satu set. Jika berhajat kepada set meja dan kerusi taman besi tempawan pula, harganya hanyalah RM450.00 dan banyak, banyak lagi di Nilai 3 yang anda boleh bawa pulang. Dibuka setiap hari dari pukul 11.00 pagi hingga 8.00 malam. **W**

1. Walaupun terdapat dalam pilihan warna, namun ada satu pancuran air ini yang anda mesti bawa pulang.

2. Begitu unik lebih-lebih lagi untuk sentuhan kontemporari klasik, sesuatu yang menyentuh kenangan lama.

3. Bongkah batu beralir air, mini landskap alam semula jadi yang mesti ada di sisi anda.



4. Tercari-cari pemberian istimewa untuk teristimewa, mengapa tidak pelbagai pilihan pancuran air mini ini yang sungguh unik rekaannya dan ia hanya beberapa RM sahaja.

5. Set air pancur batu gunung ini tak kurang hebat kesannya terhadap sebarang dekorasi rumah mahupun pejabat.

6. Selain pasu teracotta (tanah liat) set pancuran air daripada tembikar putih ini juga pilihan bijak untuk menyempurnakan dekorasi rumah dan laman.



Gambar: SHAHRIL AZMAN GHANI



7. Sebenarnya terdapat banyak lagi pilihan untuk 'menyejukkan' ruang kediaman dan taman anda di Nilai 3.

8. Jika begitu sahaja masih menarik kalau tidak pun karangkan sebarang jambangan bunga untuk pasu-pasu ini untuk lebih menarik lagi.

9. Berunsurkan tembikar dari Dinasti Ming China namun cukup menarik jika hanya berderet di sudut ruang.

10. Walau berunsur kecinaan namun umpama himpunan antik jika anda membelinya.

11. Antara harga RM6 - RM30 satu bekas kaca ini mungkin ada tempatnya di ruang kediaman dan bilik anda.